

06 OCT 2003

Mahathir-Myanmar

DR MAHATHIR NYATAKAN PANDANGAN MENGENAI SUU KYI KEPADA PEMIMPIN MYANMAR

Oleh: Salbiah Said & Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau telah menyatakan pandangan Malaysia berhubung isu pemimpin pro-demokrasi Aung San Suu Kyi yang kini berada dalam tahanan rumah kepada rakan sejawatannya di Myanmar, Jeneral Khin Nyunt.

Perdana Menteri berkata, Khin Nyunt telah menjelaskan kepada beliau akan apa yang sedang berlaku di Myanmar dan usaha ke arah Demokrasi dan Perdamaian yang telah dilaksanakan oleh junta tentera negara itu.

"Malaysia ialah rakan baik Myanmar dan kita akan cuba sedaya yang boleh supaya dapat membantu Myanmar," kata beliau kepada pemberita Malaysia selepas bertemu dengan Jeneral itu yang mengunjunginya di hotel di mana mereka menginap sempena persidangan dua hari Asean+3 (China, Korea Selatan dan Jepun) yang bermula esok.

Turut mengunjungi Dr Mahathir selepas Khin Nyunt ialah Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong.

Dr Mahathir membuat kenyataan menggemparkan tidak lama dahulu apabila berkata yang Myanmar, satu daripada 10-anggota Asean harus meninggalkan perkumpulan itu jika ia tidak mahu membebaskan Suu Kyi yang ditahan pada 30 Mei selepas ekoran pertembungan antara beliau dan penyokong kerajaan.

Beliau dibebaskan baru-baru ini selepas menjalani pembedahan tetapi masih berada dalam tahanan rumah.

Penahanan Suu Kyi mencetuskan kritikan antarabangsa dan isu itu menjadi duri dalam daging pada Asean dengan beberapa negara anggota Asean dan rakan-rakan dialognya dijangka membangkitkan hal itu dalam pertemuan mereka di pulau percutian yang popular ini di Indonesia.

Sama ada beliau berpuas hati dengan penjelasan Myanmar, Dr Mahathir, yang tiba di sini, hari ini, berkata: "Sekurang-kurangnya terdapat kemajuan".

"Kita perlu akui terdapat sedikit kemajuan. Saya rasa kita perlu tunjukkan penghargaan kita. Sudah tentu kejayaan hanya boleh dicapai langkah demi langkah," katanya.

Beliau berkata, ia sesuatu yang Myanmar sendiri perlu putus dalam membebaskan Suu Kyi memandangkan kini Asean telah memberi pandangannya.

Ditanya jika Asean akan mengeluarkan kenyataan tegas terhadap Myanmar, beliau berkata itu bukannya cara kerja Asean sebagai badan serantau yang menggunakan pendekatan membina dan bukan pendekatan konfrontasi.

Beliau juga ditanya, mengenai bentuk kepimpinan yang beliau jangka dalam pertubuhan berusia 36-tahun itu memandangkan beliau akan bersara daripada Jawatan Perdana Menteri akhir bulan ini, dan kehilangan beliau akan pasti dirasai oleh anggota-anggota Asean.

Dr Mahathir menjawab yang amalan Asean ialah kepimpinan kolektif dan pemimpin-pemimpin Asean yang memimpin pertubuhan serantau itu.

Tiada satu orang yang boleh berbuat lebih atau kurang berbanding yang lain. Kita bekerjasama. Ia bagaikan satu persekutuan negara-negara bebas. Tiada mana-mana negara yang boleh mengetuai perkumpulan itu.

"Sudah pasti kita boleh memberi pandangan kita. Mungkin ia berguna, mungkin tidak berguna. Saya tidak bimbang mengenai masa depan Asean," katanya.

Ditanya mengenai rancangannya selepas bersara, Dr Mahathir dengan berseloroh berkata beliau mahu berehat dan bercuti.

"Jika saya dijemput untuk berucap seperti baru tadi, saya akan bercakap. Itu sahaja yang saya dapat buat dengan baik," kata beliau sambil

ketawa.

Beliau berkata demikian merujuk kepada ucapan yang disampaikan di Seminar Pelaburan dan Perniagaan Asean yang julung kali diadakan sempena sidang kemuncak berkenaan. Ucapan yang disampaikan oleh Dr Mahathir adalah di luar jadual dan dibuat atas permintaan perwakilan.

-- BERNAMA

SS OPP MRA RV PR